

**MODAL SOSIAL DAN AGIHAN PENDAPATAN ISI RUMAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**(SOCIAL CAPITAL AND HOUSEHOLD INCOME DISTRIBUTION IN PENINSULAR MALAYSIA)**

*MOHD NASIR SAUKANI, RAHMAH ISMAIL & ISHAK YUSSOF*

**ABSTRAK**

Modal sosial merupakan “*relational embeddedness*” yang akan memudahkan kerjasama dilakukan di antara individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat ekonomi tertentu. Kombinasi ciri/element modal sosial iaitu kepercayaan, jaringan/hubungan dan norma hidup individu atau kumpulan akan memastikan pencapaian matlamat tersebut. Modal yang bersifat subjektif dan ‘intangible’ ini juga turut mempengaruhi pengagihan pendapatan iaitu melalui pengaruh ciri/element modal ini terhadap *terms of trade* untuk pertukaran perkhidmatan atau barang yang dilakukan oleh individu. Kertas kerja ini bertujuan mengupas kepentingan modal sosial dalam mempengaruhi agihan pendapatan isi rumah di Semenanjung Malaysia. Analisis dalam kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada 4003 isi rumah yang telah ditemubual pada 2007/2008 di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemboleh ubah modal sosial seperti hubungan baik sesama keluarga, jiran dan rakan penyertaan dalam persatuan dan norma hidup baik akan dianalisis pengaruhnya terhadap agihan pendapatan isi rumah melalui pembentukan model dengan menggunakan peratus pendapatan setiap isi rumah sebagai pengukur agihan pendapatan. Pemboleh ubah modal manusia seperti tahap pendidikan, latihan, pengalaman kerja dan kesihatan serta demografi dan wilayah juga di ambilkira dalam penganggaran model ini. Kajian ini menjangkakan pemboleh ubah modal sosial akan memberi impak yang positif terhadap keseimbangan agihan pendapatan, iaitu semakin tinggi pencapaian modal sosial isi rumah semakin seimbang agihan pendapatan.

*Kata kunci:* modal sosial, modal manusia, agihan pendapatan

**ABSTRACT**

Social capital is known as the relational embeddedness which will ease the cooperation among individuals or groups in achieving certain economic goals. The combinations of characteristics/elements of social capital are trust, networking/relationship and individual or group norm in ensuring the goals are achieved. Capital which is subjective and intangible in influencing income distribution also influences income distribution; which is through the influence of characteristics/elements of capital on the term of trade in the exchange of services or goods undertake by individual. This paper intends to explain the importance of social capital in influencing household income distribution in Peninsular Malaysia. Analysis in this paper is based on 4,003 of households surveyed in 2007/2008. The social capital variables are good relationship among family members, neighbours and friends; participation in societies; and good living norm. The influence of these variables will be analyzed in regard to their effect on household income distribution through the development of model which employs each household income percentage as the income distribution measurement. The human capital variables such as level of education, training, working experience and health, as well as demography and region are also accounted in estimating this model. This study expects the social capital variables to have positive impact on the equality of income distribution; whereby when better household social capital is achieved, the income distribution would be more balanced.

*Keywords:* social capital, human capital, income distribution

## 1. Pengenalan

Strategi dan dasar pembangunan ekonomi Malaysia khususnya sejak era Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970-1990 hingga kini di dalam fasa perlaksanaan Dasar Wawasan Nasional (DWN), memperlihatkan pencapaian matlamat yang masih jauh daripada sasaran asal. DWN adalah kesinambungan DEB yang mensasarkan objektif serampang dua mata bagi membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, dilihat mencatatkan kemajuan yang ketara dalam usaha mengurangkan kemiskinan mutlak. Walaupun diakui taraf hidup hampir keseluruhan rakyat Malaysia telah meningkat, ketidaksamaan pendapatan yang berlaku terutama antara etnik, wilayah dan negeri kekal menjadi isu yang tiada penyelesaian konkret hingga kini. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) memperlihatkan insiden ketidaksamaan agihan pendapatan antara negeri dan wilayah yang berterusan dan semakin meluas. Jurang ketidaksamaan pendapatan antara etnik dari segi nilai mutlak juga terus melebar walaupun berjaya mencatatkan penurunan dari segi nilai relatif (Malaysia, 2006).

Teori modal manusia menjelaskan bahawa wujud hubungan positif antara pencapaian modal manusia dengan tingkat pendapatan yang akan diterima oleh seseorang individu. Pelaburan terhadap modal manusia (dalam bentuk pendidikan, latihan dan kesihatan) akan memberi kesan yang positif kepada pulangan pendapatan individu/isirumah. Selain modal manusia, kajian ekonomi kini semakin memberi fokus terhadap kepentingan faktor hubungan (*relationships*) antara individu dengan individu lain (komponen modal sosial) yang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Modal yang bersifat subjektif dan “*intangible*” ini diiktiraf oleh para pendokongnya sebagai “*relational embeddedness*” yang akan memudahkan kerjasama dilakukan di antara individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat tertentu. Bagaimanakah modal sosial boleh menyumbang kepada pendapatan individu? Pengagihan pendapatan sebahagian besarnya bergantung kepada *terms of trade* untuk pertukaran perkhidmatan atau barang yang dilakukan oleh individu (Robinson, 2005). Faktor hubungan pula merupakan salah satu komponen penting modal sosial dan amat mempengaruhi *terms of trade*, maka secara tidak langsung mempengaruhi pendapatan dan agihan pendapatan. Modal sosial adalah merupakan pelengkap diperlukan oleh individu atau firma untuk meningkatkan pencapaian modal manusia dan produktiviti pengeluaran.

Kertas kerja ini bertujuan mengupas pengaruh modal sosial terhadap agihan pendapatan isirumah antara wilayah di Malaysia. Analisis dalam kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada 4003 isirumah yang telah ditemubual pada 2007/2008 di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemboleh ubah modal sosial seperti hubungan baik sesama keluarga, jiran dan rakan; penyertaan dalam persatuan dan norma hidup yang baik akan dianalisiskan pengaruhnya terhadap agihan pendapatan melalui pembentukan model dengan menggunakan peratus pendapatan setiap isirumah sebagai pengukur agihan pendapatan. Pemboleh ubah lain seperti tahap pendidikan, latihan, pengalaman bekerja dan kesihatan serta demografi juga diambilkira dalam penganggaran model ini.

## 2. Kajian Literatur

Modal sosial didefinisikan sebagai ciri-ciri sosial seperti kepercayaan (*trust*), rangkaian (*networking*) dan norma hidup (*norms*) yang mampu menghasilkan eksternaliti positif dan memperbaiki kecekapan individu atau masyarakat (Coleman, 1988,1990; Putnam et. al., 1993, Fukuyama, 1997). Dalam erti kata lain, modal sosial merujuk kepada tingkat kepercayaan, komunikasi, hubungan, kerjasama dan norma hidup baik yang dipupuk, dibentuk, dikekalkan dan dikongsi oleh sekurang-kurangnya dua orang individu atau firma.

Hubungan yang dijalin dan dipupuk atas dasar kepercayaan dan nilai baik akan mewujudkan ruang kepada perkongsian maklumat dan pembentukan rangkaian yang akan menghasilkan manfaat kepada individu/firma yang terlibat. Modal sosial juga memerlukan masa dan tenaga untuk dibangun, dikekalkan dan ditingkatkan. Hakikatnya kini, kebolehupayaan seseorang individu atau firma untuk berjaya dan *survive* bukan hanya ditentukan oleh faktor pemilikan modal fizikal (seperti aset kewangan dan aset fizikal) dan modal manusia (tingkat pendidikan dan kemahiran serta kesihatan) tetapi turut ditentukan oleh faktor hubungan sosial sesama manusia yang semakin diiktiraf sebagai modal keempat kepada pertumbuhan ekonomi (Piazza-Georgi, 2002; Woolcock et. al., 2000; Woolcock, 1998).

Terdapat beberapa kajian emperikal yang telah menganalisis hubungan modal sosial dengan agihan pendapatan. Kajian Knack (2002) menunjukkan kejayaan kerajaan dalam meningkatkan modal sosial, iaitu menerusi amalan pentadbiran yang baik dan mendapat kepercayaan rakyat selain menyumbang kepada peningkatan prestasi ekonomi turut mendarangkan kesan progresif dalam meningkatkan akses penduduk (terutama golongan miskin) terhadap peluang ekonomi, memperbaiki agihan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan. Robinson (1999) mendapati peningkatan (penurunan) dalam hubungan sosial akan membantu dalam meningkatkan (mengurangkan) tingkat pendapatan dan mengurangkan (meningkatkan) perbezaan pendapatan isirumah. Menurut Maluccio et. al. (1999), modal sosial dan pendidikan memberikan pulangan yang besar kepada isirumah. Penyertaan isirumah Afrika Selatan di dalam kumpulan/pertubuhan formal dan tidak formal (berkaitan kewangan/tabungan dan aktiviti sosial lain) didapati mempunyai kesan penting kepada tingkat pendapatan mereka walaupun lebih kecil berbanding kesan pencapaian pendidikan. Peningkatan satu peratus dalam indeks modal sosial isirumah atau masyarakat diikuti dengan peningkatan sebanyak 1.2 peratus dalam perbelanjaan per kapita isirumah. Secara perbandingan, peningkatan yang sama di dalam tingkat pendidikan purata isirumah memberikan kesan empat kali lebih besar kepada perbelanjaan perkapita. Hasil kajian Grootaert (1999) turut menyokong dapatan kajian Maluccio et. al. (1999). Menurut Grootaert, isirumah yang terlibat secara aktif dalam aktiviti persatuan baik sebagai ahli atau terlibat dalam proses membuat keputusan juga didapati lebih berkemampuan untuk meningkatkan pemilikan aset fizikal dan tabungan seterusnya memperbaiki tingkat pendapatan dan taraf kehidupan mereka (Grootaert, 1999).

Grootaert dan Narayana (2001) mendapati modal sosial mengurangkan kebarangkalian insiden kemiskinan di kalangan penduduk Bolivia. Menurut kajian ini, pulangan kepada pelaburan dalam modal sosial umumnya lebih besar di kalangan isirumah miskin berbanding isi rumah kaya dan di kalangan isirumah dengan saiz pemilikan tanah yang sedikit berbanding isi rumah yang memiliki tanah yang banyak. Kajian Uchimura (2005) menunjukkan langkah kerajaan China memperkenalkan sistem sekuriti sosial (insuran pencegah) telah berjaya memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan pekerja di bandar-bandar besar. Namun demikian penyertaan ke dalam sistem sekuriti ini yang dikhuluskan kepada pekerja di bandar telah menyebabkan hak pekerja di kawasan luar bandar dinafikan dan turut menyumbang kepada ketidakseimbangan agihan pendapatan yang semakin melebar di luar bandar.

Selain impak positif kepada individu, kajian emperikal juga menunjukkan modal sosial turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti firma. Pengusaha yang menjalin hubungan baik dengan pengusaha dan syarikat lain secara signifikan berupaya memperoleh nilai jualan yang lebih besar berbanding pengusaha yang tidak menjalin sebarang hubungan (Fafchamps dan Minten, 2002). Hubungan perniagaan berasaskan kepercayaan juga berupaya meningkatkan kecekapan firma terutama dari segi memudah dan mengurangkan kos

urusniaga. Kepercayaan yang diperoleh akan memanfaatkan firma antaranya dari segi syarat dan fleksibiliti untuk kontrak, kaedah pembayaran, serta kredit dan jaminan perniagaan (Fafchamps dan Minten, 2002, 2001; Bigsten et. al., 2000). Firma yang memiliki tingkat modal sosial yang tinggi selalunya turut memiliki kumpulan pengurusan dan pekerja yang memberi fokus kepada kerjasama dalam meningkatkan hasil dan prestasi syarikat. Syarikat yang beroperasi tanpa elemen modal sosial iaitu kepercayaan, hubungan dan norma baik adalah tidak berkemampuan untuk mengerakkan modal manusia dan modal ekonomi yang dimiliki secara cekap dan produktif (Sim, 2006).

### 3. Sumber Data dan Spesifikasi Model

Data untuk analisis dalam kertas kerja ini dikutip melalui kerja lapangan dan satu set borang soal selidik ke atas 4003 isirumah. Kerja lapangan secara temubual ini dijalankan pada tahun 2007/2008 di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada *stratified sampling method*. Pemilihan responden dibuat berdasarkan komposisi penduduk, zon (wilayah), negeri dan kawasan dan bilangan mereka adalah sejajar dengan komposisi mereka di peringkat nasional.

Terdapat dua kaedah analisis data yang digunakan dalam kertas kerja ini. Pertama, analisis secara penjadualan frekuensi, penjadualan silang dan ujian ANOVA F-test untuk menguji perbezaan min pemboleh ubah. Kedua, bagi melihat pengaruh indikator modal sosial terhadap agihan pendapatan isi rumah, kaedah regresi linear digunakan. Kajian ini juga secara spesifik akan melihat hubungan dan pengaruh indikator modal sosial di setiap zon terhadap agihan pendapatan yang diterima oleh isirumah. Pengaruh pemboleh ubah bebas (modal sosial) dan pemboleh ubah bebas lain (seperti pendidikan, latihan, kesihatan dan demografi) terhadap pemboleh ubah bersandar (agihan pendapatan isi rumah) diuji dengan menggunakan model-model berikut.

$$IR_i = \beta_0 + \beta_1 MEDU + \beta_2 MTT + \beta_3 MEXP + \beta_4 MLS + \beta_5 DL + \beta_6 DA + \beta_7 MSCT + \beta_8 MSCR + \beta_9 DN + \beta_{10} DS + \beta_{11} DE + \mu \quad (1)$$

$$IR_i = \beta_0 + \beta_1 MEDU + \beta_2 MTT + \beta_3 MEXP + \beta_4 MLS + \beta_5 DL + \beta_6 DA + \beta_7 DAN + \beta_8 DAS + \beta_9 DAE + \beta_{10} MSCT + \beta_{11} MSCR + \beta_{12} DN + \beta_{13} DS + \beta_{14} DE + \mu \quad (2)$$

dengan,

|      |  |
|------|--|
| IR   | = Peratus jumlah pendapatan isirumah bekerja   |
| MEDU | = Purata tahun bersekolah isirumah bekerja   |
| MTT  | = Purata tempoh latihan isirumah bekerja   |
| MEXP | = Purata pengalaman isirumah bekerja   |
| MLS  | = Purata gaya hidup sihat isirumah bekerja   |
| DL   | = Dami lokasi , kod 1 untuk bandar dan 0 untuk luar bandar   |
| DA   | = Dami persatuan, kod 1 jika ketua isirumah menyertai persatuan dan 0 jika tidak menyertai persatuan |
| DAN  | = Pemboleh ubah interaksi dami persatuan * Dami utara  |
| DAS  | = Pemboleh ubah interaksi dami persatuan * Dami selatan  |
| DAE  | = Pemboleh ubah interaksi dami persatuan * Dami timur  |
| MSCT | = Purata pandangan isirumah tentang kebolehpercayaan   |
| MSCR | = Purata pandangan isirumah mengenai norma hidup   |
| DN   | = Dami wilayah utara, kod 1 untuk negeri di zon utara dan 0 untuk lain-lain                          |

- DS = Dami wilayah selatan, kod 1 untuk negeri di zon selatan dan 0 untuk lain-lain  
 DE = Dami wilayah timur, kod 1 untuk negeri di zon timur dan 0 untuk lain-lain  
 $\mu$  = ralat

#### 4. Penemuan Kajian

##### 4.1. Profil Isirumah

Jadual 1 menunjukkan profil isirumah dalam kajian ini. Sebanyak 68.7% isirumah tinggal di kawasan bandar manakala 31.3% tinggal di luar bandar. Di kawasan bandar, isirumah didapati tertumpu di zon tengah (52.2%) manakala di luar bandar, isirumah tertumpu di zon utara dan timur (masing-masing sebanyak 32.8%). Bagi kawasan bandar, lebih ramai isirumah tertumpu di kawasan negeri maju (zon tengah) yang merupakan pusat pertumbuhan utama ekonomi negara. Mengikut etnik, responden kajian ini diwakili oleh 70.4% isirumah Melayu, 22.8% isirumah Cina dan 6.8% isirumah India. Berbanding zon-zon lain, zon tengah terus menjadi tumpuan penduduk berbilang bangsa dengan diwakili oleh 39.7% isirumah Melayu, 44.6% Cina dan 46.0% India (lihat Jadual 2).

Jadual 1: Taburan Isirumah Mengikut Zon dan Lokasi

|         | Lokasi    |       |             |       | Jumlah    |       |
|---------|-----------|-------|-------------|-------|-----------|-------|
|         | Bandar    |       | Luar Bandar |       |           |       |
|         | Frekuensi | (%)   | Frekuensi   | (%)   | Frekuensi | (%)   |
| Utara   | 660       | 24.0  | 411         | 32.8  | 1071      | 26.8  |
| Tengah  | 1436      | 52.2  | 214         | 17.1  | 1650      | 41.2  |
| Selatan | 425       | 15.5  | 218         | 17.4  | 643       | 16.1  |
| Timur   | 228       | 8.3   | 411         | 32.8  | 639       | 16.0  |
| Jumlah  | 2749      | 100.0 | 1254        | 100.0 | 4003      | 100.0 |

Nota: N = 4003

Sumber: Kerja Lapangan 2007/2008

Jadual 2: Taburan Isirumah Mengikut Zon dan Etnik

| Zon     | Kumpulan Etnik |       |           |       |           |       | Jumlah    |       |
|---------|----------------|-------|-----------|-------|-----------|-------|-----------|-------|
|         | Melayu         |       | Cina      |       | India     |       |           |       |
|         | Frekuensi      | (%)   | Frekuensi | (%)   | Frekuensi | (%)   | Frekuensi | (%)   |
| Utara   | 762            | 27.0  | 240       | 26.3  | 69        | 25.4  | 1071      | 26.8  |
| Tengah  | 1118           | 39.7  | 407       | 44.6  | 125       | 46.0  | 1650      | 41.2  |
| Selatan | 471            | 16.7  | 132       | 14.5  | 40        | 14.7  | 643       | 16.1  |
| Timur   | 468            | 16.6  | 133       | 14.6  | 38        | 14.0  | 639       | 16.0  |
| Jumlah  | 2819           | 100.0 | 912       | 100.0 | 272       | 100.0 | 4003      | 100.0 |

Nota: N = 4003

Sumber: Kerja Lapangan 2007/2008

Berdasarkan bidang pekerjaan, sebahagian besar pekerja dalam sampel isirumah bekerja dalam sektor perkhidmatan berbanding sektor pekerjaan lain. Jadual 3 menunjukkan sebanyak

76.5%, 74.9%, 71.1% dan 72.1% isi rumah bekerja terlibat dengan sektor ini di zon utara, tengah, selatan dan timur.

Jadual 3: Taburan Ahli Isirumah Bekerja Mengikut Sektor

|               | <b>Zon</b>              |                         |                         |                         | <b>Jumlah</b>           |
|---------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|
|               | <b>Utara</b>            | <b>Tengah</b>           | <b>Selatan</b>          | <b>Timur</b>            |                         |
| Perkhidmatan  | 1343<br>(76.5)          | 2129<br>(74.9)          | 761<br>(71.1)           | 629<br>(72.1)           | 4862<br>(72.1)          |
| Pembuatan     | 224<br>(12.8)           | 495<br>(17.4)           | 155<br>(14.5)           | 113<br>(10.5)           | 987<br>(14.6)           |
| Pertanian     | 123<br>(7.0)            | 103<br>(3.6)            | 94<br>(8.8)             | 235<br>(21.9)           | 555<br>(8.2)            |
| Perlombongan  | 1<br>(0.1)              | 3<br>(0.1)              | 2<br>(0.2)              | 5<br>(0.5)              | 11<br>(0.2)             |
| Pembinaan     | 64<br>(3.6)             | 113<br>(4.0)            | 58<br>(5.4)             | 93<br>(8.7)             | 328<br>(4.9)            |
| <b>Jumlah</b> | <b>1755<br/>(100.0)</b> | <b>2843<br/>(100.0)</b> | <b>1070<br/>(100.0)</b> | <b>1075<br/>(100.0)</b> | <b>6743<br/>(100.0)</b> |

Nota: N = 6818 (Tidak Lengkap = 75)

Sumber: Kerja Lapangan 2007/2008

Pembuatan merupakan sektor pekerjaan yang mencatatkan penyertaan kedua teramai di kalangan isi rumah bekerja iaitu sebanyak 12.8% di zon utara, 17.4% (tengah), 14.5% (selatan) dan 10.5% di zon timur. Sektor pertanian pula ditangga ketiga, mencatatkan peratus penyertaan isi rumah teramai di zon timur (21.9%) berbanding utara (7.0%), tengah (3.6%) dan selatan (8.8%).

Isirumah dalam kajian ini juga didapati lebih tertumpu kepada kategori pekerja perkhidmatan dan jualan berbanding kategori pekerjaan lain. Berdasarkan Jadual 4, di keempat-empat zon, penyertaan isi rumah dalam kategori ini adalah teramai iaitu 27.3% (zon utara), 27.8% (tengah), 35.9% (selatan) dan 23.9% (timur). Kategori profesional mencatatkan penyertaan kedua teramai isi rumah dengan 19.9% (di zon utara), 18.8% (tengah), 12.2% (selatan) dan 12.5% (zon timur).

Jadual 4: Taburan Ahli Isirumah Bekerja Mengikut Kategori Pekerjaan

|                                 | <b>Zon</b>    |               |                |               | <b>Jumlah</b>  |
|---------------------------------|---------------|---------------|----------------|---------------|----------------|
|                                 | <b>Utara</b>  | <b>Tengah</b> | <b>Selatan</b> | <b>Timur</b>  |                |
| Pegawai Kanan dan Pengurus      | 83<br>(4.8)   | 251<br>(8.9)  | 58<br>(5.5)    | 37<br>(3.6)   | 429<br>(6.5)   |
| Profesional                     | 346<br>(19.9) | 532<br>(18.8) | 129<br>(12.2)  | 128<br>(12.5) | 1135<br>(17.1) |
| Juruteknik dan Profesional      | 169<br>(9.7)  | 232<br>(8.2)  | 87<br>(8.2)    | 52<br>(5.1)   | 540<br>(8.1)   |
| Bersekutu                       | 202<br>(11.6) | 338<br>(12.0) | 98<br>(9.3)    | 81<br>(7.9)   | 719<br>(10.8)  |
| Pekerja Perkhidmatan dan Jualan | 474<br>(27.3) | 784<br>(27.8) | 380<br>(35.9)  | 246<br>(23.9) | 1884<br>(28.3) |
| Pekerja Pertanian dan Perikanan | 109<br>(6.3)  | 90<br>(3.2)   | 87<br>(8.2)    | 197<br>(19.2) | 483<br>(7.3)   |

|                              |                |                |                |                |                |
|------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Pekerja Kraf dan Perdagangan | 21             | 16             | 9              | 23             | 69             |
| Berkaitan                    | (1.2)          | (0.6)          | (0.9)          | (2.2)          | (1.0)          |
| Operator Kilang, Mesin dan   | 167            | 316            | 121            | 80             | 684            |
| Pemasangan                   | (9.6)          | (11.2)         | (11.4)         | (7.8)          | (10.3)         |
| Pekerjaan Asas               | 167            | 265            | 89             | 184            | 705            |
|                              | (9.6)          | (9.4)          | (8.4)          | (17.9)         | (10.6)         |
| <b>Jumlah</b>                | <b>1738</b>    | <b>2824</b>    | <b>1058</b>    | <b>1028</b>    | <b>6648</b>    |
|                              | <b>(100.0)</b> | <b>(100.0)</b> | <b>(100.0)</b> | <b>(100.0)</b> | <b>(100.0)</b> |

Nota: N = 6818 (Tidak Lengkap = 170)

Sumber: Kerja Lapangan 2007/2008

#### 4.2. Agihan Pendapatan Isirumah

Jadual 5 di bawah menunjukkan agihan pendapatan isirumah mengikut kawasan, wilayah, zon, kaum dan juga jantina ketua isirumah. Jika dilihat dari segi kawasan, didapati agihan pendapatan bagi kawasan luar bandar adalah lebih rendah dari kawasan bandar dengan nilai agihan adalah sebanyak 0.6378. Begitu juga dari segi wilayah, didapati wilayah kurang maju memperolehi purata pendapatan isirumah yang lebih rendah berbanding wilayah maju. Selain itu juga, bagi kawasan zon pula, didapati zon Utara-Selatan hampir memperoleh pendapatan purata isirumah yang sama, dengan nilai agihan sebanyak 0.9723. Sementara itu, perbezaan yang jelas dapat dilihat dari segi agihan pendapatan mengikut kaum di mana pendapatan purata isirumah kaum Melayu adalah lebih tinggi berbanding pendapatan purata isirumah kaum India.

Jadual 5: Nisbah Jumlah Pendapatan Isirumah Bekerja Mengikut Kawasan, Wilayah, Zon, Kaum dan Jantina Ketua Isirumah

|                      | Agihan Pendapatan Purata Isirumah |
|----------------------|-----------------------------------|
| Kawasan              |                                   |
| Luar Bandar - Bandar | 0.6378                            |
| Wilayah              |                                   |
| Kurang Maju - Maju   | 0.7835                            |
| Zon                  |                                   |
| Timur – Tengah       | 0.5789                            |
| Utara – Tengah       | 0.8535                            |
| Selatan – Tengah     | 0.8778                            |
| Timur – Selatan      | 0.6596                            |
| Utara – Selatan      | 0.9723                            |
| Timur – Utara        | 0.6784                            |
| Kaum                 |                                   |
| Melayu – Cina        | 0.8210                            |
| India – Cina         | 0.7278                            |
| Melayu – India       | 1.129                             |
| Ketua Isirumah       |                                   |
| Perempuan – Lelaki   | 0.7626                            |

Sumber: Kerja Lapangan (2007/2008)

### 4.3. Keputusan Penganggaran

Keputusan penganggaran model regresi bagi menentukan pengaruh modal sosial terhadap agihan pendapatan ditunjukkan dalam Jadual 6. Secara keseluruhannya hasil penganggaran menunjukkan hampir ke semua pemboleh ubah bebas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar (peratus jumlah pendapatan isirumah bekerja). Berdasarkan Jadual 6, pengaruh pendidikan, latihan, pengalaman kerja dan kesihatan didapati signifikan pada aras keertian 99 peratus. Peningkatan dalam tingkat pendidikan dan latihan yang diterima, pengalaman bekerja serta pengamalan gaya hidup sihat mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan peratus jumlah pendapatan isirumah dan ini sekaligus akan mengurangkan ketakseimbangan agihan pendapatan isirumah. Hasil kajian ini selanjutnya menunjukkan isirumah bandar mempunyai jumlah pendapatan yang lebih seimbang dibandingkan dengan luar bandar. Zon tempat tinggal juga didapati signifikan dalam mempengaruhi peratus pendapatan isirumah. Didapati isirumah yang tinggal di zon tengah mampu memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan isirumah yang tinggal di zon-zon lain.

Penyertaan ketua isirumah dalam aktiviti berpersatuhan adalah signifikan dalam mempengaruhi peratus pendapatan isirumah. Isirumah yang ketuanya terlibat dengan aktiviti persatuhan didapati mempunyai peratus pendapatan yang lebih tinggi berbanding isirumah yang tidak menyertai aktiviti tersebut. Di kalangan isirumah yang bersetuju dengan kepentingan norma hidup (MSCR), juga didapati mempunyai peratus pendapatan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak bersetuju. Hubungan sosial yang dibentuk di kalangan jiran tetangga, rakan rapat dan rakan sekerja berdasarkan norma hidup baik bukan sahaja akan mewujudkan semangat kerjasama dan tololong menolong tetapi turut memberi impak positif terhadap peratus dan agihan pendapatan isirumah. Sebaliknya, faktor kepercayaan terhadap individu (MSCT) didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peratus dan agihan pendapatan isirumah.

Jadual 6: Keputusan Penganggaran Model Regresi

| Pembolehubah Tidak Bersandar                    | 1                     | 2                      |
|---|-----------------------|------------------------|
| Intercep  | -.014<br>(-5.696)***  | -.014<br>(-5.568)***   |
| (a) Modal Manusia                               |                       |                        |
| Purata Tahun Bersekolah Isirumah Bekerja (MEDU) | .002<br>(19.009)***   | .002<br>(19.072)***    |
| Purata Tempoh Latihan Isirumah Bekerja (MTT)    | .000038<br>(3.774)*** | .0000379<br>(3.715)*** |
| Purata Pengalaman Isirumah Bekerja (MEXP)       | .000<br>(5.927)***    | .000<br>(5.905)***     |
| Purata Gaya Hidup Sihat Isirumah Bekerja (MLS)  | .002<br>(4.114)***    | .002<br>(4.162)***     |
| (b) Demografi                                   |                       |                        |
| Dami Lokasi (DL)                                | .005<br>(6.354)***    | .005<br>(6.266)***     |
| Dami Utara (DN)                                 | -.003<br>(-3.407)***  | -.003<br>(-2.953)***   |
| Dami Selatan (DS)                               | -.002<br>(-2.418)**   | -.003<br>(-3.318)***   |

|  |                      |                      |
|--|----------------------|----------------------|
| Dami Timur (DE)  | -.006<br>(-5.302)*** | -.006<br>(-5.378)*** |
| (c) Modal Sosial   |                      |                      |
| Dami Persatuan (DA)  | .004<br>(4.328)***   | .002<br>(1.811)*     |
| Purata Pandangan Isirumah Mengenai Kebolehpercayaan (MSCT) | -.000055<br>(-.104)  | -.000091<br>(-.173)  |
| Purata Pandangan Isirumah mengenai Norma Hidup (MSCR)      | .001<br>(1.740)*     | .001<br>(1.746)*     |
| Dami Persatuan * Dami Utara (DAN)                          |                      | .000<br>(-.144)      |
| Dami Persatuan * Dami Selatan (DAS)                        |                      | .008<br>(2.916)***   |
| Dami Persatuan * Dami Timur (DAE)                          |                      | .003<br>(1.287)      |
| R <sup>2</sup> terlaras                                    | 0.169                | 0.170                |
| R <sup>2</sup>   | 0.171                | 0.173                |
| Nilai F  | 72.380 ***           | 57.743 ***           |
| N  | 3872                 | 3872                 |

Nota: \*\*\* Signifikan pada aras keertian 1%

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%

\* Signifikan pada aras keertian 10%

N = 4003

Jadual 6 turut memaparkan keputusan kajian hubungan pengaruh indikator modal sosial terhadap agihan pendapatan isirumah berdasarkan zon tempat tinggal dan bekerja. Hasil kajian menunjukkan tidak wujud sebarang hubungan yang signifikan antara indikator modal sosial (aktiviti berpesatuan) dengan peratus pendapatan yang diterima oleh isirumah di zon utara dan timur berbanding zon tengah. Namun demikian indikator modal sosial ini mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peratus pendapatan isirumah di zon selatan. Peningkatan pembabitan isirumah di zon selatan dalam aktiviti berpersatuan akan memberi impak positif terhadap peratus pendapatan mereka berbanding isirumah di zon tengah.

## 5. Kesimpulan

Hasil kajian ini menyokong penemuan hasil kajian pengkaji terdahulu seperti Maluccio et. al. (1999) dan Grootaert (1999) yang mendapati modal sosial memberikan impak positif terhadap agihan pendapatan, walaupun diakui kesannya adalah lebih kecil berbanding kesan pencapaian pendidikan dan latihan. Penemuan kajian ini jelas menunjukkan aktiviti berpesatuan penting dalam meningkatkan jaringan dan tahap sosio-ekonomi isirumah. Elemen modal sosial ini perlu dipertingkatkan melalui pendedahan secara lebih meluas melalui pelbagai aktiviti seperti ceramah dan forum serta promosi faedah dan kepentingan berpersatuan menerusi media cetak dan media elektronik. Semangat kejiraninan berdasarkan norma hidup baik dan rasa hormat menghormati yang tinggi juga perlu dipupuk sebagai budaya hidup kerana semangat ini boleh mendorong seseorang bekerja lebih kuat dalam membantu meningkatkan tahap sosioekonomi keluarga.

Namun demikian berbeza dengan penemuan kajian terdahulu, kajian ini mendapati faktor kepercayaan adalah tidak signifikan dari segi pengaruhnya terhadap agihan pendapatan. Ini berkemungkinan dalam negara membangun seperti Malaysia, kejujuran dan keikhlasan sesuatu pihak dalam membantu pihak lain masih boleh dipertikaikan. Sikap terlalu percaya

kepada pihak lain juga akan menyebabkan seseorang itu leka untuk berusaha sendiri dan ini boleh menjelaskan peratus pendapatan mereka. Keadaan ini akhirnya boleh membawa kepada agihan pendapatan yang lebih tidak seimbang. Penemuan kajian juga mendapati indikator modal sosial tidak mempunyai sebarang pengaruh signifikan terhadap peratus pendapatan isi rumah di zon utara dan timur berbanding zon tengah. Pengaruh modal sosial terhadap agihan pendapatan isi rumah didapati signifikan terhadap isi rumah yang tinggal di zon selatan berbanding zon tengah.

Hasil kajian juga menunjukkan ke semua pemboleh ubah modal manusia seperti tempoh persekolahan dan latihan, pengalaman kerja dan pengamalan gaya hidup sihat memberi sumbangan yang tinggi dan signifikan kepada peratus pendapatan isi rumah dan ini selari dengan teori modal manusia seperti yang dikembangkan oleh Schultz (1960) dan Becker (1964). Usaha berterusan dalam pelaburan modal manusia (untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta tahap kesihatan) akan memperbaiki dan meningkatkan keupayaan isi rumah dalam meningkatkan pendapatan mereka.

Penemuan kajian ini boleh dijadikan asas untuk kajian yang lebih terperinci dilakukan mengenai pengaruh modal sosial terhadap agihan pendapatan. Dalam konteks Malaysia, kepentingan dan pengaruh modal sosial masih belum meluas dikaji terutamanya yang berkaitan dengan bidang ekonomi. Dapatkan kajian ini adalah penting dalam memberikan gambaran awal mengenai kepentingan dan pengaruh faktor modal sosial terhadap peratus dan agihan pendapatan isi rumah. Kajian lanjut diperlukan dan boleh diperluaskan lagi terutama dalam memperincikan konsep dan pengukuran modal sosial.

## Rujukan

- Becker, Gary S. 1964. Human Capital. New York : NBER.
- Bigsten, A., Collier, P., Dercon, S., Fafchamps, M., Gauthier, B., Gunning, J. W., Isaksson, A., Oduro, A., Oostendorp, R., Patillo, C., Soderborn, M., Teal, F., and Zeufack, A. 2000. Contract flexibility and dispute resolution in African manufacturing. *Journal of Development Studies*, 36: 1-37.
- Coleman, J. S. 1988. Social Capital in the Creation of Human Capital. *American Journal of Sociology*. 94 (supplement): S95-S120
- Coleman, J. S. 1990. Foundations of Social Theory. Cambridge. Harvard University Press.
- Fafchamps, M. and Minten, B. 2001. Property Rights in a Flea Market Economy. *Economic Development and Cultural Change*, 49; 229-268.
- Fafchamps, M. and Minten, B. 2002. Returns to social network capital among traders. *Oxford Economic Papers*, 54: 173-206.
- Fukuyama, F. 1997. Social Capital, Tanner Lecture on Human Value.
- Grootaert, C. 1999. Social capital, household welfare, and poverty in Indonesia. *World bank Policy Research Working paper*, no. WPS2148.
- Grootaert, C & Narayan, D. 2001. Local Institutions, Poverty, and Household Welfare in Bolivia. *World Bank Policy Research Working Paper*. No. 2644.
- Knack, S. 2002. Social capital, growth, and poverty: a survey of cross-country evidence. In Grootaert, C. et. al. (ed.) *The Role of Social Capital in Development. An Empirical Assessment*. 2002. Cambridge University Press.
- Malaysia, 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia, 2008. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Maluccio, J., Haddad, L. & May, J. (1999). Socail Capital and Income Generation in South African, 1993-98, A paper presented at IDS-IFPRI workshop on "Economic Mobility and Poverty Dynamics in Developing Countries", April 1999.
- Piazza-Georgi, Barbara. 2002. The Role of Human and Social Capital in Growth: Extending our understanding. *Cambridge Journal of Economics*. P. 461-479.
- Putnam, R. D. 1993. Making Democracy Work: Civic Institutions in Modern Italy. Princeton, NJ: Princeton University Press.

- Robinson, L. J. & Siles, M.E. 1999. Social capital and household income distributions in the United States: 1980, 1990. *Journal of Socio-Economics*. Vol.28.p.43-93.
- Sims, E. 2006. Social Capital in Firms, Alliances & Clusters: Why it is important for productivity & competitiveness: and how to build it, in Wee-Liang, T. (eds), Social Capital in Asia; An Exploratory Study. Asian Productivity Organization (APO).
- Schultz, T.W. Investment in Human Capital. *American Economic Review* 51 (1) : 1-17.
- Uchimura, H. 2005. Influence of Social Institutions on Inequality in China. Institute of Development Economics, discussion paper no. 26. <http://www.ide.go.jp>.
- Woolcock, M. & Narayan, D. 2000. Social Capital: Implications for Development Theory, Research, and Policy. *The World Bank Research Observer*. Vol. 15, no.p.225-249
- Woolcock, M. 1998. Social capital and economic development: Towards a theoretical synthesis and policy framework. *Theory and Society*. Vol. 2, no. 2. p. 151-208.